



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Rabu, 24 Mei 2023

DISEDIAKAN OLEH :
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

80 peratus ladang ayam di Johor terkesan cuaca panas

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Nasional	22

22

80 peratus ladang ayam di Johor terkesan cuaca panas

Johor Bahru: Sebanyak 80 peratus ladang ternakan ayam di negeri ini didakwa terkesan dengan fenomena cuaca panas melampau ketika ini.

Ia berikutan kira-kira 400 ladang ayam di negeri ini daripada keseluruhan 500 ladang masih menggunakan sistem ternakan tradisional yang mengamalkan sistem reban terbuka.

Setiausaha Persatuan Penternak Unggas (Kecil dan Sederhana) Negeri Johor, Lau Ka Leng, berkata fenomena cuaca itu boleh menyebabkan tumbesaran unggas itu terganggu, sekali gus meningkatkan kebimbangan ia mampu menyebabkan kematian besar-besaran ternakan itu.

Katanya, sistem reban terbuka amat bergantung kepada cuaca semasa, menyebabkan penternak terpaksa menyiram reban dan ternakan unggas mereka dengan air beberapa kali sehari bagi mengelakkan tumbesaran, ayam terjejas atau lebih teruk mati.

Katanya, ia berbeza dengan sistem reban tertutup yang lebih moden kerana suhu reban boleh sentiasa dikawal mengikut faktor cuaca menggunakan peralatan moden, terutama penyejuk udara khas menggunakan kipas ekzos.

"Suhu ideal untuk ternakan unggas seperti ayam membesar adalah 28 darjah Celcius, namun fenomena cuaca panas melampau ketika ini yang puratanya di atas 36 darjah Celcius amat menjejaskan 80 peratus ladang ayam Johor berskala kecil dan sederhana yang masih menggunakan sistem tradisional.

"Hanya kira-kira 100 ladang ayam di Johor mengamalkan sistem reban tertutup yang suhu reban boleh dikawal sepenuhnya. Kebanyakan penternak masih belum beralih ke reban tertutup kerana kos operasi yang amat tinggi.

"Tumbesaran ayam juga terganggu ketika ini dengan cuaca panas melampau menyebabkan mereka tidak berselera makan, sekali gus penuaian hasil menjadi lebih lambat.

"Biasanya untuk mendapat hasil ayam matang antara 1.8 kilogram (kg) hingga 2kg untuk pasaran, ia memerlukan tempoh antara 30 hingga 35 hari.

"Namun, berikutan fenomena cuaca panas melampau dengan tumbesaran ayam terganggu kerana unggas tiada selera makan, maka untuk tuaian ayam bersaiz 1.8kg hingga 2kg kini mengambil masa lebih lama, iaitu antara 36 hingga 43 hari," katanya ketika dihubungi.

Abe Zack mentor penternak lembu sado

MEDIA

Sinar Harian

RUANGAN

Negeri Kelantan

MUKA SURAT

27

Bekas pemain bola sepak Kelantan, Mohd Zulkifli Ali menjadi rujukan dalam kalangan penternak dan beberapa agensi berkaitan

Abe Zack mentor penternakan lembu sado

BACHOK

Tiga tahun lalu, Mohd Zulkifli Ali tanpa sebarang ilmu khusus menternak tujuh ekor lembu baka Kedah-Kelantan (lembu KK) di sebidang tanah milik ibu bapanya di Kampung Panjang, di sini.

Mohd Zulkifli, 38, kemudian mengambil langkah berani untuk menukar daripada membela lembu KK kepada lembu hibrid atau lembu sado baka charolais, limousine dan mega.

Tiga tahun berselang, Mohd Zulkifli kini menjadi rujukan banyak pihak bukan sahaja dalam kalangan penternak malah beberapa agensi berkaitan selepas menunjukkan kejayaan dalam bidang tersebut.

"Kos membela lembu KK tinggi tetapi keuntungan kecil menyebabkan saya rasa tidak berbaloi, jadi saya tukar dari

pada bela lembu KK kepada lembu hibrid atau lembu sado baka charolais, limousine dan mega.

"Lembu hibrid atau lembu sado yang berusia lima hingga enam bulan harga dah mencecah lebih RM5,000 dan ini memberi pendapatan yang lebih kepada saya," katanya ketika ditemui Bernama baru-baru ini.

Ber cerita lanjut, Mohd Zulkifli yang lebih mesra disapa Abe Zack berkata, walaupun tanpa sebarang ilmu khusus dalam bidang penternakan, dia kini memiliki lebih 100 ekor lembu hibrid berbanding hanya tujuh ekor lembu KK, tiga tahun lalu.

"Hasil kejayaan yang dicapai mendapat perhatian Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), mereka memberi sokongan apabila menyediakan geran kepada lima penternak lembu hibrid tahun lepas, jumlah tersebut meningkat kepada 13 peserta tahun ini.

"LPP mahu supaya ekosistem penternakan lembu hibrid yang baik diwujudkan dan pada masa depan projek lembu sado serta lembu pedaging berskala besar dapat dilaksanakan," kata bapa kepada seorang cahaya mata itu.

Menurut Abe Zack sebagai mentor, beliau bertanggungjawab memberi latihan mengenai teknik penternakan yang betul termasuk kaedah terbaik mengurangkan kos makanan mamalia itu.

Bekas pemain



Abe Zack kini memiliki lebih 100 ekor lembu hibrid.

bola sepak dan atlet olahraga Kelantan itu memberitahu, menerusi beberapa pendekatan yang diambilnya, beliau sudah berjaya mengurangkan kos bahan makanan lembu hibrid peliharaannya.

"Antara kesilapan dalam aktiviti penternakan ini ialah orang akan beli lembu dahulu baru fikir mengenai makanan haiwan tersebut, saya pula ambil pendekatan berbeza apabila mengkaji dan melihat rutin pemakanan lembu.

"Saya tanam sendiri rumput napier dan rumput minyak selain itu di sekitar kawasan ladang ini sudah ada rumput liar.

"Di sekitar Bachok pula ramai petani menanam jagung, jadi sisa-sisa tanaman jagung manis seperti batang, daun dan putik jagung sesuai dijadikan silaj jagung iaitu sejenis makanan alternatif yang mu-

rah bagi ternakan lembu.

"Saya beri lembu peliharaan makan tiga jenis rumput tersebut dan silaj jagung selain dedak, ini mengurangkan kos makanan kerana tidak terlalu bergantung kepada dedak sahaja," katanya.

Tambah Mohd Zulkifli, kejayaannya mewujudkan satu ekosistem penternakan yang baik dan mengurangkan kos telah mendapat perhatian pihak berwajib.

Ekoran daripada itu, dia kemudian diberi amanah dan tanggungjawab sebagai mentor kepada rakan-rakan yang lain.

"Selain jadi mentor kepada penternak lain, saya juga sering membuat lintas langsung melayan sahabat-sahabat di TikTok berkongsi pengalaman kaedah terbaik seperti untuk gemukkan lembu dan bantu lembu melahirkan anak," katanya.



Abe Zack memberi rumput kepada lembu-lembu ternakannya.



Lembu-lembu ternakan ini diberi makan rumput napier, rumput minyak, rumput liar, silaj jagung dan dedak.



Kejayaan Abe Zack mewujudkan ekosistem penternakan yang baik menarik perhatian pihak berwajib.

Cuaca panas melampau jejas 80 peratus ladang ternakan ayam di Johor

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Nasional	online

Cuaca panas melampau jejas 80 peratus ladang ternakan ayam di Johor



Ladang

JOHOR BAHRU: Sebanyak 80 peratus ladang ternakan ayam di negeri ini didakwa terkesan dengan fenomena cuaca panas melampau ketika ini.

Ia berikutan kira-kira 400 daripada 500 ladang ternakan ayam di negeri ini masih menggunakan sistem ternakan tradisional yang mengamalkan sistem reban terbuka.

ADVERTISING

Setiausaha Persatuan Penternak Unggas (Kecil dan Sederhana) Johor, Lau Ka Leng berkata fenomena cuaca itu boleh menyebabkan tumbesaran unggas itu terganggu sekali gus meningkatkan kebimbangan ia mampu menyebabkan kematian besar-besaran ternakan itu.

Katanya, sistem reban terbuka amat bergantung kepada cuaca semasa, menyebabkan penternak terpaksa menyiram reban dan ternakan unggas mereka dengan air beberapa kali sehari bagi mengelakkan tumbesaran ayam terjejas atau lebih teruk mati.

- Thailand alami cuaca panas melampau, penduduk diminta elak aktiviti luar

Katanya, ia berbeza dengan sistem reban tertutup yang lebih moden kerana suhu reban boleh sentiasa dikawal mengikut faktor cuaca menggunakan peralatan moden terutama penyejuk udara khas menggunakan kipas ekzos.

"Suhu ideal untuk ternakan unggas seperti ayam membesar adalah 28 darjah celsius, namun fenomena cuaca panas melampau ketika ini yang puratanya di atas 36 darjah selcius amat menjejaskan 80 peratus ladang ayam Johor berskala kecil dan sederhana yang masih menggunakan sistem tradisional.

"Hanya kira-kira 100 ladang ayam di Johor mengamalkan sistem reban tertutup yang suhu reban boleh dikawal sepenuhnya. Kebanyakan penternak masih belum beralih ke reban tertutup kerana kos operasi yang amat tinggi.

"Tumberasan ayam juga terganggu ketika ini dengan cuaca panas melampau menyebabkan mereka tidak berselera makan sekali gus penuaian hasil menjadi lebih lambat.

"Biasanya untuk mendapat hasil ayam matang antara 1.8 kilogram (kg) hingga 2 kg untuk pasaran, ia memerlukan tempoh antara 30 hingga 35 hari.

"Namun berikutan fenomena cuaca panas melampau dengan tumbesaran ayam terganggu kerana unggas tiada selera makan, maka untuk tuaian ayams bersaiz 1.8 hingga 2 kg kini mengambil masa lebih lama iaitu antara 36 hingga 43 hari," katanya ketika dihubungi.

Pada 21 April lalu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dilaporkan menasihatkan penternak ayam di seluruh negara supaya berwaspada susulan Malaysia bakal mengalami cuaca panas terik.

Menerusi hantaran dalam laman sosialnya, DVS dilaporkan berkata kesan cuaca panas akan mengakibatkan ayam ditenak dalam reban terbuka menjadi kurang selera makan, sekali gus menjejaskan tumbesaran unggas itu.

Situasi itu bakal mengancam saiz ayam itu ketika umurnya matang, tidak mencapai berat badan dikehendaki dan senario terburuk dengan kes kematian melonjak.

Justeru, DVS dilaporkan menyarankan penternak reban terbuka supaya memantau lebih rapi namun tidak banyak intervensi boleh dibuat kecuali mereka bertukar kepada sistem reban tertutup.

Bagaimanapun sebagai alternatif, penternak perlu memantau sumber air minuman dan memastikan bekalan sentiasa cukup bagi semua ayam ditenak berkenaan.

Dalam pada itu, Ka Leng berkata, susulan pembesaran ayam terganggu, ia menyebabkan berlaku penyusutan sebanyak 20 peratus bekalan ayam segar di pasaran.

Bagaimanapun, beliau berkata, ia tidak menjejaskan bekalan ayam segar negara berikutan situasi pembelian bahan mentah itu mengalami kelembapan dan jatuh selepas Aidilfitri lalu.

"Walaupun bekalan ayam segar menyusut sebanyak 20 peratus berikutan cuaca panas melampau, ia masih mampu menampung permintaan dan mencukupi.

"Ia berikutan jualan ayam segar kini lembap dan merekodkan kejatuhan selepas Aidilfitri lalu. Namun jika cuaca panas melampau berterusan hingga hampir Aidiladha pada hujung Jun nanti, penternak risau ia akan mengganggu bekalan ayam di pasaran," katanya.